
SIRIM STANDARD



SIRIM 2:2014

ICS: 03.080.30

Garis panduan penarafan kebersihan tandas masjid dan surau

SIRIM Berhad

© Hak Cipta 2014

SIRIM STANDARD

SIRIM Berhad adalah penyedia penyelesaian total dalam inovasi kualiti dan teknologi yang membantu industri dan perniagaan untuk bersaing dengan lebih baik melalui rantai nilai perniagaan.

SIRIM Berhad adalah pusat kecemerlangan dalam penstandardan, memudahkan industri dan perniagaan meningkatkan pengeluaran dan daya saing mereka, melindungi kesihatan dan keselamatan pengguna, dan memberi mereka pilihan bagi produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Sebagai sebuah organisasi pembangunan standard, SIRIM Berhad mempunyai kepakaran yang luas dalam penyelidikan dan perundingan standard yang dapat membantu industri dan perniagaan untuk memenuhi keperluan dan amalan tempatan dan antarabangsa, melalui pembangunan *SIRIM Standard*.

SIRIM Standard dibangunkan mengikut prosedur pembangunan standard SIRIM, yang sejajar dengan amalan antarabangsa yang memastikan notifikasi program kerja dan penyertaan pihak yang berminat. *SIRIM Standard* dibangunkan melalui konsensus oleh jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar bidang-bidang berkaitan. Penggunaan *SIRIM Standard* adalah secara sukarela, dan terbuka untuk diterima pakai oleh agensi penguatkuasa, agensi kerajaan, persatuan, industri, badan-badan profesional, dan lain-lain.

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan SIRIM Standard, sila hubungi Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Standard:

SIRIM Berhad
(No. Syarikat 367474 - V)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, Peti Surat 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel: 60 3 5544 6000
Fax: 60 3 5510 8095
<http://www.sirim.my>

Kandungan

Muka surat

Prakata.....	ii
1 Pengenalan	1
2 Skop	1
3 Kaedah penilaian.....	1
4 Penarafan kebersihan tandas masjid dan surau	4
5 Kaedah pengiraan pemarkahan.....	4
6 Keperluan bagi melaksana kerja-kerja penarafan masjid dan surau	6
Lampiran A Borang penilaian kebersihan tandas masjid dan surau.....	7

SIRIM 2:2014

Prakata

Standard ini telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Projek mengenai Kebersihan dan Penarafan Tahap Kebersihan Tandas Masjid dan Surau.

Standard ini dibangunkan adalah dengan objektif berikut:

- a) Menyeragamkan keperluan bagi menyelenggara kebersihan tandas masjid dan surau yang merangkumi tanggungjawab pengurusan masjid dan surau, keperluan dan kemudahan asas termasuk keadaan persekitaran dalaman dan keperluan tambahan lain.
- b) Menyeragamkan kaedah penilaian terhadap kebersihan tandas masjid dan surau.
- c) Membantu pihak masjid dan surau untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan tahap kebersihan tandas masjid dan surau.
- d) Menjadi panduan utama kepada pihak pengurusan masjid dan surau, kontraktor dan pekerja pembersihan dan penilai dalam menjalankan aktiviti pembersihan, penilaian dan penarafan kebersihan.
- e) Untuk standard penarafan, ianya boleh digunapakai untuk perbandingan tahap kebersihan antara satu masjid/surau dengan masjid/surau yang lain.

Terdapat dua standard mengenai kebersihan tandas masjid dan surau yang diterbitkan dengan tajuk seperti di bawah:

- a) *Garis panduan kebersihan tandas masjid dan surau; dan*
- b) *Garis panduan penarafan kebersihan tandas masjid dan surau.*

Standard ini akan tertakluk kepada semakan berkala untuk mengambilkira keperluan dan keadaan semasa. Pengguna dan mana-mana pihak yang berminat boleh mengemukakan ulasan mengenai kandungan standard ini untuk dipertimbangkan ke dalam semakan yang akan datang.

Pematuhan ke atas standard ini tidak dengan sendirinya memberikan kekebalan daripada obligasi undang-undang.